


Bahagian Pengurusan Halal,
Jabatan Agama Islam Sarawak

# PELAKSANAAN PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA SEPANJANG TEMPOH PANDEMIK COVID19

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini memasuki fasa selanjutnya untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19. Secara langsung, ia memberi kesan kepada kelancaran proses permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang menjadi keperluan kepada penggiat industri untuk meningkatkan keyakinan pengguna.

Justeru, mengambil kira perkembangan, pandangan serta situasi yang melanda dunia global maka JAKIM dan JAIN/MAIN telah membangunkan prosedur khusus bagi membolehkan operasi permohonan SPHM seluruh negara termasuk di Sarawak berjalan lancar seperti berikut :

| | |
|---|---|
| **PROSES PERMOHONAN**<br> | **1.** Pemohon membuat dan menghantar permohonan secara online;<br>**2.** Dokumen sokongan bagi permohonan yang telah dihantar hendaklah die-melkan kepada **halaljais.sijil@sarawak.gov.my**;<br>**3.** Dokumen sokongan yang perlu dihantar adalah berdasarkan skim sebagaimana yang dinyatakan dalam sistem MYeHALAL kecuali:-<br>**a)** SSM (tidak termasuk syarikat yang pertama kali memohon);<br>**b)** Penyata Kewangan syarikat (tidak termasuk pusat konvensyen/katering/dapur hospital & syarikat yang pertama kali memohon);<br>**c)** Salinan sijil bahan mentah/ramuan yang dipersijilkan halal oleh JAKIM atau JAIN/MAIN;<br>**4.** Pemohon hendaklah menghantar surat akujanji yang menyatakan bahawa kesemua maklumat adalah benar dan telah disemak serta status bahan mentah/ramuan tidak meragukan; dan<br>**5.** Dokumen sokongan *hardcopy* bagi permohonan yang telah selesai diproses dalam tempoh PKP hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Halal, JAIS dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tempoh PKP tamat. |

| | |
|---|---|
| **BAYARAN FI**<br> | **1.** Pengeluaran surat caj melalui sistem MYeHALAL;<br>**2.** Semakan status bayaran fi melalui sistem MYeHALAL;<br>**3.** Penyediaan Bank Deraf atau Kiriman Wang Pos;<br>**4.** Bank Deraf atau Kiriman Wang Pos hendaklah dihantar ke alamat:-<br><br>**Bahagian Pengurusan Halal,**<br>**Jabatan Agama Islam Sarawak,**<br>**Aras 12, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Lorong P.Ramlee Off Jalan P.Ramlee,**<br>**93400 Kuching, Sarawak**<br><br>Pemakluman status bayaran status bayaran kepada Bahagian Pengurusan Halal, JAIS hendaklah dihantar melalui emel :<br>**halaljais.sijil@sarawak.gov.my.**<br>(sertakan gambar salinan Bank Deraf atau Kiriman Wang Pos yang diambil dan tracking number postage sebagai bukti penghantaran). |

| | |
|---|---|
| **PENGAUDITAN LAPANGAN**<br> | Permohonan Baharu (permohonan kali pertama, penambahan premis/outlet) dan permohonan skim Rumah Sembelih akan melalui peringkat pengauditan lapangan setelah tamat tempoh PKP (akan dimaklumkan dari semasa ke semasa). |

| | |
|---|---|
| **PENGELUARAN SPHM**<br><br> | **1.** Sebarang urusan berkaitan pasca pensijilan boleh dihantar melalui e-mel :<br>**halaljais.upp@sarawak.gov.my**<br>**2.** Surat makluman keputusan permohonan akan dihantar melalui e-mel sepanjang pandemik Covid-19; dan<br>**3.** SPHM hanya akan dikeluarkan setelah tempoh PKP tamat. |

**Bahagian Pengurusan Halal,**
**Jabatan Agama Islam Sarawak,**
**Aras 12, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Lorong P.Ramlee Off Jalan P.Ramlee,**
**93400 Kuching, Sarawak**

**Telefon : 082-507150**
**Faks : 082-507150**

**06 Ramadhan 1441H**
**29 April 2020M**

**Nota : Pelaksanaan prosedur ini adalah bersifat sementara sehingga dimaklumkan kelak oleh BPH, JAIS**